



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak

TEL: 082-473473
FAKS: 082-473584
Portal Rasmi : jpn.sarawak.moe.gov.my
E-mel : jpn.sarawak@moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNSW.SPA.600-2/1/6 (99)
Tarikh : 10 Julai 2019

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah**

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH NEGERI SARAWAK TAHUN 2019

Dengan hormatnya surat siaran Bil.14 Tahun 2018 dari Kementerian Pendidikan Malaysia rujukan KPM.100-1/7/2 Jld.6(17) adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) ialah sebahagian daripada komponen dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBD dilaksanakan secara formatif dan sumatif dengan pelbagai pendekatan dan kaedah bagi mengenal pasti perkembangan pembelajaran murid dengan lebih efektif secara keseluruhan.
3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pelaksanaan PBD dilaksanakan dengan betul dan berkesan pihak PPD dikehendaki untuk mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- 3.1 Memastikan semua sekolah rendah telah membuat pelaporan PBD yang pertama kepada ibubapa. Semua sekolah rendah perlu membuat pelaporan pelaksanaan di pautan bit.ly/pelaporanpbd1sarawak. (Rujuk Lampiran 1) (*Sila lengkapkan pelaporan pada atau sebelum 9 Ogos 2019*);
- 3.2 PPD dan sekolah perlu menggunakan data murid yang tidak menguasai tahap minimum bagi merancang intervensi di peringkat PPD dan sekolah;
- 3.3 Bimbingan instruksional perlu dilaksanakan oleh SISC+ kepada semua PGB sekolah yang telah menghadiri Kursus Bimbingan Instruksional COC PBD. Semua PGB yang telah menghadiri kursus tersebut dimohon untuk mengisi Instrumen Penilaian Kendiri (IPK) Pelaksanaan Bimbingan Instruksional (PBD) di pautan gg.gg/ipkslt ;
- 3.4 Semua sekolah menjadikan *Profesional Learning Community* (PLC) sebagai platform dalam pelaksanaan PBD. (Rujuk Lampiran 2);
- 3.5 Pegawai di PPD perlu memberi bantuan dan sokongan kepada guru yang mengajar murid melebihi 40 orang satu kelas atau sekolah yang mempunyai enrolmen besar. Kepakaran sekolah TS25 di daerah perlu digunakan untuk membimbing sekolah tersebut.

Ruj. Kami : JPNSW.SPA.600-2/1/6 (99)
Tarikh : 10 Julai 2019

PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH NEGERI SARAWAK TAHUN 2019


4. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBrs. Dr./tuan/puan boleh menghubungi pegawai yang dipertanggungjawabkan iaitu **En. Zakry bin Ismail (082-473562)**.

Kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Dr. HJ. AZHAR BIN HJ. AHMAD)
Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

s.k. Fail Timbul Timbalan Pengarah Pendidikan Sarawak
Ketua Sektor, Sektor Pengurusan Akademik


DrLM/ZBI/ag

**PELAPORAN PERTAMA PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) SEKOLAH RENDAH
NEGERI SARAWAK TAHUN 2019**

PERKARA	PENERANGAN
E-mail Pelapor	Isikan e-mail pegawai yang melapor. Salinan laporan akan di email terus kepada alamat email yang dinyatakan.
Nama Penuh Pelapor	Sila isikan nama penuh pegawai dengan huruf besar.
PPD	Sekolah berada di Pejabat Pendidikan.
Nama Sekolah	Nama sekolah dengan huruf besar.
Tarikh Sekolah Membuat Pelaporan	Tarikh sekolah mengadakan hari pelaporan kepada ibu bapa.

Pelaporan Tahap Penguasaan PBD Murid Tahap 1

Tahun 1	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 1 di Sekolah	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 1 mendapat Tahap Penguasaan 1 (TP1)	Sila sediakan data untuk mata pelajaran berikut:
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 1 mendapat Tahap Penguasaan 2 (TP2)	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahasa Melayu ii. Bahasa Inggeris iii. Matematik iv. Sains
Tahun 2	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 2 mendapat Tahap Penguasaan 1 (TP1)	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 2 mendapat Tahap Penguasaan 2 (TP2)	Tahap Penguasaan adalah setakat pada pertengahan tahun iaitu pada hari pelaporan
Tahun 3	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 3 mendapat Tahap Penguasaan 1 (TP1)	
Bilangan Keseluruhan Murid Tahun 3 mendapat Tahap Penguasaan 2 (TP2)	

Maklum Balas Sekolah

Isu/ Masalah	Masalah yang dihadapi oleh sekolah sewaktu hari pelaporan. Nyatakan 'TIADA' jika tiada isu.
Cadangan Penambahbaikan	Cadangan penambahbaikan bagi memastikan pelaporan seterusnya berjalan dengan lancar.

PLC SEBAGAI PLATFORM DALAM PELAKSANAAN PBD

8.0 PLC SEBAGAI PLATFORM DALAM PELAKSANAAN PBD

MULA	REKOD PBD	ISU & MASALAH	ROOT COURSE	STRATEGI
	1 - TP 6 (Kenal pasti bidang fokus) SK, SP & S Prestasi	Merujuk kepada rekod TP mundur (Objektif/sasaran)	Inkuri (mengesan punca utama)	Pedagogi (PdP, Pengurusan Kelas, Pelaksanaan Kurikulum, PBD)
ALAT KOLABORATIF (Atau gunakan protokol & soalan kritisikalnya)		PROSES PLC (Soalan Kritisikal)		
		Plan (Rancang)	Do (Laksana)	Check (Refleksi)
Kelab Buku (Book Club)	Tentukan buku selari dengan PdPc	Pembentangan hasil bacaan dari ahli kumpulan	Buat rumusan	Kongsi dapatan rumusan setiap ahli untuk penambahbaikan
Kumpulan Belajar Guru (Teacher Study Group)	Menentukan tujuan, keperluan dan kumpulan	Kongsi sumbangsaran dan refleksi	Sesi refleksi bersama ahli	Inisiatif penambahbaikan
Kritikan Video Pengajaran Guru (Video Critiques of Teaching Moments)	Bentuk pasukan video dan tetapkan objektif	Tayang video, sesi maklum balas dan penambahbaikan	Analisis maklumat	Kongsi amalan baik
Jetajah Pembelajaran (Learning Walks)	Perbincangan prewalk	Melawat bilik darjah dan postwalk discussion	Reflek bersama guru guru yang dilawat dengan semua guru	Penambahbaikan dan aplikasi dalam PdPc
Bimbingan Rakan Sebaya Guru (Peer Coaching)	Prakonferen	Pemerhatian	Pascakonferen	Penambahbaikan PdPc
Belajar Menggunakan Rancangan Pengajaran Harian (Lesson Study)	Tentukan objekti PdP dan membina RPH	Mengajar dan memerhati	Reflek dan menilai pengajaran	Membuat penambahbaikan RPH
Sesi Perkongsian Guru (Teacher Sharing Session)	Kesediaan guru untuk berteru dan berbincang tajuk/ isu	Perbincangan/ perkongsian maklumat	Reflek dan menilai pengajaran	Penambahbaikan dalam PdPc
Analisis Data (Data Analysis)	Pilih dan dapatkan data	Analisis data mentah	Cari data sokongan dan hubungkaitkan data	Buat penambahbaikan dan kongsi amalan
Kumpulan Rakan Kritik (Critical Friends Group)	Tetapkan masa dan objektif Kenal pasti isu PdP	Bentang isu atau fokus. Sesi soal jawab.	Pembentangan ber maklum balas terhadap cadangan ahli. Semak pendekatan proses	Kongsi hasil dapatan rumusan ahli baik
Induksi dan Pementoran Guru Baharu (New Teacher Induction and Mentoring)	Tentukan mentor dan mentee. Tetapkan objektif. Fokus kepada isu	Buat bimbining berfokus. Cerap dan nilai mentee.	Analisis data pencerapan. Refleksi dan sesi soal jawab	Kongsi amalan baik. Sebar luas Penambahbaikan kelemaahan yang dikenal pasti
Kumpulan Penyelesaian Masalah (Problem Solving Group)	-	Senaraikan penyelesaian mentaraf dan meramal setiap pilihan. Pilih cadangan penyelesaian terbaik. Laksanakan cadangan	Sesi refleksi terhadap pelaksanaan cadangan penyelesaian. Rumusan dan cadangan penambahbaikan	Penambahbaikan (Sekiranya perlu) Kongsi amalan baik

PLC SEBAGAI PLATFORM DALAM PELAKSANAAN PBD

8.0 PLC SEBAGAI PLATFORM DALAM PELAKSANAAN PBD

MULA	REKOD PBD	ISU & MASALAH	ROOT COURSE	STRATEGI
	1 - TP 6 (Kenal pasti bidang fokus) SK, SP & S Prestasi	Merujuk kepada rekod TP mundur (Objektif/sasaran)	Inkuri (mengesan punca utama)	Pedagogi (PdP, Pengurusan Kelas, Pelaksanaan Kurikulum, PBD)
ALAT KOLABORATIF (Atau gunakan protokol & soalan kritisikalnya)		PROSES PLC (Soalan Kritisikal)		
		Plan (Rancang)	Do (Laksana)	Check (Refleksi)
Kelab Buku (Book Club)	Tentukan buku selain dengan PdPc	Pembentangan hasil bacaan dari ahli kumpulan	Buat' rumusan	Kongsi dapatan rumusan setiap ahli untuk penambahbaikan
Kumpulan Belajar Guru (Teacher Study Group)	Menentukan tujuan, keperluan dan kumpulan	Kongsi sumbangsaran dan refleksi	Sesi refleksi bersama ahli	Inisiatif penambahbaikan
Kritikan Video Pengajaran Guru (Video Critiques of Teaching Moments)	Bentuk pasukan video dan tetapkan objektif	Tayang video, sesi maklum balas dan penambahbaikan	Analisis maklumat	Kongsi amalan baik
Jelajah Pembelajaran (Learning Walks)	Perbincangan prewalk	Melawat bilik darjah dan postwalk discussion	Reflek bersama guru guru yang dilawati dengan semua guru	Penambahbaikan dan aplikasi dalam PdPc
Bimbingan Rakan Sebaya Guru (Peer Coaching)	Prakonferen	Pemerhatian	Pascakonferen	Penambahbaikan PdPc
Belajar Menggunakan Rancangan Pengajaran Marian (Lesson Study)	Tentukan objekti PdP dan membina RPH	Mengajar dan memerhati	Reflek dan menilai pengajaran	Membuat penambahbaikan RPH
Sesi Perkongsian Guru (Teacher Sharing Session)	Kesediaan guru untuk berfungsi dan berbincang tajuk/ isu	Perbincangan/ perkongsian maklumat	Reflek dan menilai pengajaran	Penambahbaikan dalam PdPc
Analisis Data (Data Analysis)	Pilih dan dapatkan data	Analisis data mentah	Cari data sokongan dan hubungkaitkan data	Buat penambahbaikan dan kongsi amalan
Kumpulan Rakan Kritik (Critical Friends Group)	Tetapkan masa dan objektif Kenal pasti isu PdP	Bentang isu atau fokus. Sesi soal jawab	Pembentangan ber maklum balas terhadap cadangan ahli. Semak pendekatan proses	Kongsi hasil dapatan rumusan ahli baik
Induksi dan Pementoran Guru Baharu (New Teacher Induction and Mentoring)	Tentukan mentor dan mentee. Tetapkan objektif. Fokus kepada isu	Buat bimbining berfokus. Cerap dan nilai mentee.	Analisis data pencerapan. Refleksi dan sesi soal jawab	Kongsi amalan baik. Sebar luas. Penambahbaikan kelemahan yang dikenal pasti.
Kumpulan Penyelesaian Masalah (Problem Solving Group)	- Kenal pasti isu	Senarakan penyelesaian menilai dan meramal setiap pilihan. Pilih cadangan penyelesaian terbaik. Laksanakan cadangan	Sesi refleksi terhadap pelaksanaan cadangan penyelesaian. Rumusan dan cadangan penambahbaikan	Penambahbaikan (Sekiranya perlu) Kongsi amalan baik



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2/ Jld. 6 (17)
Tarikh: 19 Disember 2018

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 14 TAHUN 2018**

**PEMANSUHAN AMALAN PEPERIKSAAN PERTENGahan DAN AKHIR TAHUN
MURID TAHP I (TAHUN 1, TAHUN 2 DAN TAHUN 3) DI SEKOLAH RENDAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN 2019**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan Pemansuhan Amalan Peperiksaan Pertengahan dan Akhir Tahun Murid Tahap I di Sekolah Rendah termasuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) di Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mulai tahun 2019.

2. Keputusan pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun bagi murid Tahap I adalah selaras dengan konsep pembelajaran yang berorientasikan perkembangan murid. Hal yang demikian membolehkan guru memberi lebih fokus kepada tugas mendidik dan menyemai nilai-nilai murni kepada murid.

3. Sehubungan dengan itu, pentaksiran yang lebih objektif bagi murid Tahap I hendaklah melihat kepada perkembangan murid secara lebih menyeluruh termasuk amalan nilai-nilai murni yang berbentuk rutin harian. Pentaksiran ini berlaku melalui pembelajaran yang menyeronokkan ke arah pembangunan dan pembentukan karakter murid. Kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) adalah kemahiran asas murid Tahap I yang perlu dibina dan diperkuuh sebelum mereka melalui proses pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

4. Bagi mencapai hasrat tersebut, pentaksiran ini dilaksanakan melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. bercerita;
- ii. projek mudah;
- iii. permainan;
- iv. main peranan; dan
- v. kuiz

5. Selain daripada aktiviti di dalam para 4, guru juga boleh menjalankan PBD dalam bentuk aktiviti lain yang bersesuaian.

6. Proses pembelajaran, hasil kerja murid dan amalan nilai murni digunakan untuk menilai perkembangan pembelajaran murid. Pelaporan pembelajaran murid digunakan oleh guru dan ibu bapa untuk menambahbaik proses pembelajaran dan menentukan bentuk sokongan yang boleh diberikan bagi memastikan perkembangan potensi, bakat, minat, kemahiran dan sahsiah murid dioptimumkan.

7. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PBD, maka pihak sekolah hendaklah merancang jadual waktu yang bersesuaian. Di samping itu, guru juga boleh melaksanakan pengajaran secara kolaboratif bagi memastikan PdP yang lebih menyeronokkan dan bermakna dapat direalisasikan.

8. Dalam hal ini, KPM juga telah memutuskan supaya program saringan Literasi dan Numerasi (Program LINUS2.0) akan dihentikan mulai tahun 2019. Oleh itu, pihak sekolah hendaklah mengenalpasti murid Tahap I yang mengalami kesukaran untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira serta menyediakan intervensi yang bersesuaian di peringkat sekolah.


9. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Tahap I seperti yang dilampirkan. Dengan berkuatkuasanya surat siaran ini, maka **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2016, Perubahan Pelaksanaan Saringan LINUS2.0 Mulai Tahun 2016 Bagi Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 31 Mac 2016 adalah dibatalkan.**

10. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SHAARI BIN OSMAN)

b.p Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia